



SEMINAR FIKRAH SIDDIQ FADZIL “CITRA BUDAYA DAN PERADABAN BANGSA MALAYSIA”

**30 HINGGA 31 MEI 2023 (SELASA – RABU)
9.00 PAGI – 5.00 PETANG**

**Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma DBP,
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.**

**ATUR CARA TENTATIF
SEMINAR FIKRAH SIDDIQ FADZIL
“CITRA BUDAYA DAN PERADABAN BANGSA MALAYSIA”**

HARI PERTAMA: 30 MEI 2023 (SELASA)

- 8.30 pagi : Pendaftaran Peserta/Minum pagi
- 9.30 pagi : Ketibaan Tetamu Kenamaan
- 10.00 pagi : Ketibaan YAB Perdana Menteri
- : Ucapan oleh Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH),
YBhg. Dato' Ahmad Azam bin Ab Rahman
- : Ucapan oleh Pengerusi Lembaga Pengelola DBP,
YB Senator Profesor Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan
- : Ucapan Utama dan Ucap Perasmian oleh Perdana Menteri,
YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
- 11.30 pagi –
- 2.00 petang : Rehat/Makan Tengah Hari
- 2.00 –
- 3.00 petang **Sesi I: Jati Diri Pembinaan Bangsa Malaysia**
- Moderator: YBhg. Tuan Haji Mohd Meeftah bin Haji Anuar,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- i. YB Senator Profesor Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan,
Pengerusi Lembaga Pengelola DBP
- ii. YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman,
Presiden dan Naib Canselor,
Universiti Selangor (UNISEL)

- 3.00 – **Sesi II: Kebudayaan dan Persuratan**
4.30 petang Moderator: YBhg. Profesor Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh,
Universiti Selangor (UNISEL)
- i. YBhg. Dato' A. Aziz bin Deraman,
Presiden,
Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan,
(PERADABAN)
 - ii. YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman bin Bakar,
Penyandang Kerusi al-Ghazali dalam Pemikiran Islam,
ISTAC, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
 - iii. YBhg. Profesor Madya Dr. Zulkifli bin Hasan,
Fakulti Syariah dan Undang undang,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- 4.30 petang : Bersurai

HARI KEDUA: 31 MEI 2023 (RABU)

- 8.30 pagi : Ketibaan Peserta/Minum Pagi
- 9.00 – : **Sesi III: Cabaran Mendepani Pembinaan Citra Bangsa**
10.30 pagi Moderator: YBhg. Encik Saifullizan bin Yahaya,
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- i. YBhg. Profesor Dr. Sarjit Singh a/l Darshan Singh,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia (UPM)
 - ii. YBhg. Dr. Nor Salimah binti Abu Mansor,
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)
 - iii. YBhg. Profesor Madya Dr. Khairudin Aljunied,
Universiti Malaya (UM)

11.00 pagi –
12.30 tengah
hari

: Sesi IV: Kemuliaan Insaniah

Moderator: YBhg. Ustaz Hasri Harun,
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia
(WADAH)

- i. YBhg. Profesor Dato' Dr. Muhammad bin Nur Manuty,
Pengerusi,
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- ii. Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin
Wan Mohd Noor,
Mufti Negeri Pulau Pinang

12.30 tengah
hari

: Majlis Penutup

: Ketibaan YAB Timbalan Perdana Menteri

: Ucapan oleh Presiden dan Naib Canselor,
Universiti Selangor (UNISEL),
YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan
bin Othman

: Ucapan Penutupan oleh Timbalan Perdana Menteri,
YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi

: Makan Tengah Hari dan Bersurai

PEMETIK KECAPI PENAKATAN PERADABAN MELAYU: SUMBANGAN PEMIKIRAN ALMARHUM SIDDIQ FADZIL

Oleh: Awang Sariyan

Peradaban Melayu tumbuh dan berkembang sejak belasan, malah puluhan ribu tahun silam di wilayah yang dikenal sebagai Pentas Sunda atau Benua Sunda. Demikian dapat kajian sarjana-sarjana linguistik, sejarah, arkeologi dan sains, termasuk sarjana dunia seperti Stephen Oppenhimer. Perbincangan perihal peradaban Melayu telah menerima agama hanif yang bersendikan tauhid sejak awal sebelum agama Islam sampai di alam Melayu dibincangkan oleh sejumlah sarjana seperti Soleha Yaakob, Mat Rofa, Awang Sariyan dan lain-lain. Almarhum Siddiq Fadzil yang mendalami sejarah peradaban Melayu sesudah Islam mewarnai umat alam Melayu banyak berbicara tentang citra Melayu yang bersinonim dengan Islam. Beliau berbicara tentang varian peradaban bersendikan Islam yang wujud di alam Melayu. Berbeda dengan sejumlah peneliti yang sama ada melihat peradaban Melayu sebagai sesuatu yang mandiri dan tidak menjadi bahagian peradaban Islam atau yang melihat Islam tidak berkompromi dengan budaya setempat, Almarhum Siddiq Fadzil menengahkan gagasan peradaban Melayu Islam sebagai hasil penyerapan sisi-sisi asasi atau fundamental dinul Islam dalam budaya umat Melayu yang telah disediakan Allah potensinya menjadi pengembang peradaban bersendikan Islam. Kertas ini mengupas kesinambungan pemikiran Almarhum dengan kenyataan masa kini.

SIDDIQ FADZIL IDEALOGI KEBANGKITAN DAN KESEDARAN ISLAM DI MALAYSIA

Oleh: Mohammad Redzuan Othman

Setiap kebangkitan yang membawa kepada perubahan sering dipengaruhi oleh seorang pemikir (Ideologi) yang berjaya menterjemahkan pemikirannya kepada satu bentuk gerakan yang mampu membangkitkan kesedaran masyarakat ke arah perubahan. Frantz Fanon (Algeria) dan Ali Shariati (Iran) sebagai contoh sering dikaitkan dengan kebangkitan yang mencetuskan revolusi. Namun begitu, terdapat juga kebangkitan sosial yang turut mencorakkan pemikiran yang membawa perubahan kepada masyarakat. Dalam konteks inilah, Siddiq Fadzil boleh dianggap sebagai seorang Ideologi yang membawa perubahan dalam masyarakat berikutan tercetusnya Kebangkitan Islam di Malaysia. Siddiq Fadzil membentuk pemikiran yang menjadikan Islam sebagai teras kepada perubahan yang perjuangannya bermula sejak zaman pelajar dan seterusnya pada zaman belia dan pasca belia. Pemikiran yang ditampilkan berjaya menjadikan Islam sebagai arus perdana kepada perubahan dalam masyarakat yang sebelumnya masih diselubungi dengan amalan yang tidak menggambarkan pengamalan Islam yang syumul dan rahmatanlilalamin.

Sumbangan besar Siddiq Fadzil ke arah membentuk perjuangan merubah aliran pemikiran agak ketara ketika diberikan peranan memimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dalam suasana era kebangkitan Islam yang cukup mencabar. Beliau menjadi Presiden ABIM ketika keghairahan masyarakat terhadap kejayaan Revolusi Islam Iran dan gelombang semangat jihad berikutan berlakunya penindasan ke atas gerakan Islam di merata dunia

Islam. Di Malaysia, peristiwa Memali, isu kafir mengkafir, tuntutan perlaksanaan Hudud merupakan antara manifestasi kebangkitan Islam yang menjurus kepada ekstremisme dan radikalisme. Bagi menangani fenomena ini, Siddiq Fadzil telah memperkenalkan Manhaj Malizi, iaitu pendekatan Islam cara Malaysia yang aman dan akomodatif. Apabila terdapat gerakan ekstremisme supaya dibentuk negara Islam, Siddiq Fadzil memperkenalkan *Fiqh al-Aulawiyat* (fiqh Keutamaan). Ketika terdapat kelompok yang cuba untuk memecahbelahkan masyarakat Malaysia kepada Islam dan bukan Islam yang boleh menggugat kestabilan, Siddiq Fadzil menggunakan fiqh yang lain seperti *Fiqh Al-Ta'ayush al-silmi* (hidup bersama dalam budaya damai), *Fiqh al-Muwatanah* (Fiqh Kewarganegaraan) dan Islam sebagai rahmatanlilalamin. Melalui pelbagai fiqh yang disesuaikan dengan budaya masyarakat Malaysia, beliau berjaya menyumbangkan pemikiran yang menjadikan Islam yang diamalkan di Malaysia sebagai model Islam yang sederhana yang boleh diterima oleh segenap lapisan masyarakat.

CITRA KEBUDAYAAN DAN PERSURATAN

Oleh: A. Aziz Deraman

Citra itu luas maknanya, citra fizikal, citra abstrak, manifestasi lahiriah dan batiniah. Pantulannya tercermin pada perwatakan, keperibadian, pemikiran tentang dimensi kehidupan masyarakat dan negara bangsa berhubung dengan kebudayaan, persuratan (khususnya kesusasteraan), agama, politik, kemasyarakatan, kemanusiaan, kenegaraan, peradaban atau tamadun. Misalnya citra bahasa Melayu bertambah kukuh kerana sifat akomodatifnya. Dalam laluan sejarahnya sedia menerima kosa kata bahasa yang lain, daripada Sanskrit, bahasa Arab dan Inggeris. Bahasa Melayu menjadi sebuah bahasa moden dan wahana kepada peradaban, khususnya dalam pembinaan kebudayaan dan kemajuan persuratan.

Citra kebudayaan dapat dirujuk kepada bidangnya yang pelbagai, ada pandangan kesarjanaan. Kebudayaan itu ertinya cara hidup; tafsirannya kepada keseluruhan sistem yang kompleks, tidak semata-mata wujud sebagai amali dalam lingkungan kebersamaan dan kolektif, kekayaan dan keunggulan falsafah dan pemikiran, aspek kesenian, kebendaan serta nilai dan norma yang menzahirkan puncak manifestasi kebudayaan bangsa. Banyak contoh dalam budaya benda atau bukan benda termasuk yang berkaitan dengan peralatan (perikanan, pertanian), seni persembahan, seni ukir, teater, muzik dan pelbagai bentuk petanda kepada kreativiti dan dinamika bangsa.

Citra persuratan merupakan suatu aspek perihal tulis menulis, kesusasteraan, kepustakaan ilmu dan perpustakaan. Kesusasteraan dapat digambarkan melalui kesusasteraan tradisional (lisan dan

persuratan dengan ribuan manuskrip Melayu, pantun, syair, gurindam, peribahasa, seloka) dan kesusasteraan moden yang berkembang daripada pengaruh Barat dalam bentuk karya kreatif (novel, cerpen, sajak). Perkembangannya agak menarik, perlahan menyusuri sekitar tahun 1800 dan mentransformasikan diri menjelang 1900. Persuratan Melayu semakin menyerlahkan citra baharu, termasuk persuratkhabaran, majalah dan penulisan ilmu. Persuratan Melayu bertambah maju memasuki abad ke-20, melalui dekad-dekad zaman 1930an, dekad 1940-an ketika menghadapi tabrakan Perang Dunia Ke-2, dekad 1950-an muncul ASAS 50, 1960-an, 1970-an menuju kegemilangan kemajuan kreativiti kepengarangan. Dalam dekad 1980-an sehingga kini citra persuratan bertambah dinamik dengan keitimewaannya tersendiri terhadap kehidupan berbangsa dan bernegara.

Kata kunci: citra, kebudayaan, persuratan (kesusasteraan tradisional dan moden).

MERUJUK KEMBALI KEPADA RENUNGAN LEPAS SAYA TERHADAP ISU-ISU PEMBANGUNAN PERADABAN NEGARA

Oleh: Osman Bakar

Dalam pembentangan ini saya ingin merujuk kepada idea-idea kemasyarakatan dan ketamadunan yang menjadi sebahagian penting daripada bahan-bahan penulisan saya dalam tempoh separuh abad yang lampau. Idea-idea ini meliputi gagasan sains Islam, falsafah pendidikan Islam, pengislaman ilmu, konsep insan madani, jati diri tamadun Melayu Islam, prinsip tauhid sebagai asas budaya ilmu Islam, isu kepelbagaian etnik dan agama sebagai asas kekuatan masyarakat dan negara, falsafah madani dan dialog antara agama dan tamadun. Dalam pembentangan ini saya akan memuatkan petikan-petikan daripada tulisan-tulisan saya yang lepas tentang idea-idea tersebut.

PENDEKATAN DAKWAH SIDDIQ FADZIL MENERUSI KEBUDAYAAN DAN PERSURATAN

Oleh: Zulkifli Hasan

Siddiq Fadzil merupakan seorang tokoh ideologi yang sangat signifikan kepada dunia dakwah dan pemikiran yang bersifat *wasatiyy* dan damai meraikan kepelbagaian dalam bingkai kesatuan. Di kala Malaysia diuji dengan konflik dan krisis politik dan kefahaman agama yang sempit dan marah-marah, Siddiq Fadzil konsisten dan secara elegan intelektual memberi pencerahan dengan memperkenalkan konsep dan istilah serta *manhaj maliziy* dan mengaplikasikannya dalam konteks realiti dan *waqi'* semasa. Dalam konteks wacana dakwah dan gerakan Islam yang selalunya didominasi oleh idea dan gagasan pemikir dunia Arab atau Timur Tengah, Siddiq Fadzil mengambil pendekatan yang lebih inklusif dengan merujuk kepelbagaian pandangan mengambil kira kebijaksanaan setempat atau *local and indigenous wisdom*. Siddiq Fadzil yang berlatar belakang pendidikan agama berjaya membina persepsi baharu seorang agamawan yang dinamik dan progresif menerusi kekuatan kebudayaan dan persuratan. Karya, penulisan dan syarahan Siddiq Fadzil yang sarat dengan mesej dakwah adalah bersifat sejagat, inklusif dan damai meraikan realiti dan konteks masyarakat berbilang budaya dan agama. Makalah ini akan meneroka dan mengupas sumbangan Siddiq Fadzil dalam dunia dakwah menerusi pendekatan kebudayaan dan persuratan khususnya Melayu nusantara.

Kata kunci: Kebudayaan, persuratan, kebijaksanaan setempat dan dakwah.

CABARAN MENDEPANI PEMBINAAN CITRA BANGSA

Oleh: Sarjit S. Gill

Makalah ini mengupas pemikiran Almarhum Profesor Dato' Dr. Siddiq Fadzil, ilmuwan tersohor negara mengenai usaha dan cabaran untuk membina citra bangsa, iaitu Bangsa Malaysia yang bersatu padu. Gagasan pemikiran Profesor Siddiq Fadzil berpaksi kepada konsep "Hidup Bersama Dalam Budaya Damai", dan "Kepelbagaian Dalam Bingkai Kesatuan" sebagai penyelesaian untuk memperkukuhkan perpaduan pelbagai etnik yang berteraskan nilai agama Islam dan budaya lokal. Pelbagai cabaran yang dihadapi dalam membina citra bangsa tersebut, khususnya cabaran dalaman mahupun luaran untuk mengurus naratif perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*). Sungguhpun begitu, semua cabaran tersebut perlu diurus secara bijaksana dan bersepadu sama ada oleh Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) agar citra Bangsa Malaysia kekal berpaksikan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan. Fikrah Profesor Siddiq Fadzil mengenai tema keharmonian, kesederhanaan dan pengukuhan nilai perlu senantiasa dibahasakan dan diperluaskan agar golongan belia saling bekerjasama untuk membangun Malaysia Madani yang progresif dan inklusif.

Kata kunci: Budaya Damai, Kepelbagaian Dalam Bingkai Kesatuan, Rukun Negara, Perlembagaan Persekutuan, Malaysia Madani

FIKRAH DAKWAH SIDDIQ FADZIL DALAM MENDEPANI CABARAN PEMBINAAN CITRA BANGSA MALAYSIA

Oleh: Nor Salimah Abu Mansor

Perbincangan serius mengenai citra dan watak bangsa Malaysia di negara ini agak terbatas dalam lingkungan para sosiologis, justeru ramai rakyat Malaysia tidak begitu peka, malah tidak terpenggil untuk memikirkan usaha membina citra bangsa. Setelah lebih enam dasawarsa kemerdekaan, kemajmukan sering dilihat sebagai cabaran utama pembinaan citra yang utuh untuk bangsa Malaysia. Berbeza daripada sarjana Islam, pemikir Islam atau agamawan lain di negara ini, Siddiq Fadzil sentiasa konsisten mengemukakan fikrah atau pemikiran baharu dalam dakwah ke arah membina ciri-ciri bangsa Malaysia yang istimewa, sesuai dengan latar sejarah dan budaya etnik yang majmuk sifatnya. Konsep-konsep seperti jiwa merdeka, pandangan sarwa Islam, budaya ilmu, khayra ummah, karaamah insaaniyyah, pemikiran islahiy, pemikiran maqaasidiy, manhaj maaliziy dan masyarakat madani sentiasa menjadi tema-tema utama sebagai suatu bentuk fikrah Siddiq Fadzil dalam dakwah berkontekskan Masyarakat Malaysia. Semua ini terangkum dalam tiga marhalah dakwah keMalaysiaan beliau iaitu tahrir (pembebasan), tanwir (pencerahan) dan taghyir (perubahan), dengan cita-cita yang optimis untuk membentuk rupa watak bangsa Malaysia yang bermaruah, dan hidup dalam budaya damai melalui formula *at-ta'aayush al-silmi* atau peaceful coexistence.

Kata kunci: Fikrah Dakwah Siddiq Fadzil, Dakwah keMalaysiaan, citra Bangsa Malaysia

MENGATASI POLITIK IDENTITI: BAGAIMANA IDE BOLEH MENGUBAH REALITI KITA

Oleh: Khairudin Aljunied

Dunia semasa sedang dilanda masalah politik identiti. Negara, komuniti, suku, dan kumpulan berkepentingan di alam maya dan dunia seharian sedang mendesak agenda masing-masing. Antara kesan daripada ketegasan yang semakin meningkat ini ialah masyarakat yang retak. Dalam ceramah ini, saya meneliti akar umbi politik identiti pada masa kini. Saya menawarkan beberapa penyelesaian bagi krisis global ini. Saya menunjukkan peranan idea dalam penciptaan "masyarakat majmuk"; sebuah visi yang diutarakan oleh Profesor Siddiq Fadzil.

KEMULIAAN INSANIAH

Oleh: Muhammad Nur Manuty

Tokoh pemikir selain daripada Saudara Anwar Ibrahim, tokoh ideologi dalam gerakan ABIM dan politik negara, Siddiq Fadzil ialah seorang lagi tokoh ilmuwan dan pemikir Islam di tanah air yang segar berbicara tentang persoalan insan dari perspektif al-Quran dan al-Sunnah serta dari lain-lain sumber yang muktabar. Justeru, subjek *kramatul insan* (kemuliaan insan) menjadi fokus utama dalam tulisan ilmiah Ustaz Siddiq Fadzil – nama yang sering di panggil (USF). Beliau membicarakan isu Islam dan nasionalisme secara kritikal. Misalnya, USF membahaskan pandangan Sayyid Abul 'Ala al Maududi ideologi Jama'at e Islami Pakistan yang tegas menyatakan bahawa nasionalisme ialah faham dari Barat yang bertentangan dengan Islam. Islam melayani manusia sebagai insan dan memberikan hak kepada mereka sistem sosial berasaskan kepada aqidah dan akhlak. Ia adalah bersifat universal. USF ialah tokoh ilmuwan yang mengangkat darjat insan ketika membicarakan subjek Hak Asasi Manusia yang dirujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah. Dalam hubungan ini, tulisannya kritikal dengan amalan ISA di tanah air yang dilihat sebagai satu bentuk kezaliman. Selain itu, USF turut berbicara tentang kepentingan nilai-nilai insan dihayati dalam sistem politik. Politik yang tidak meraikan moral adalah berlawanan dengan fungsi seorang manusia Muslim yang wajar mengangkat prinsip *amar ma'aruf dan nahi munkar*. Selanjutnya, USF sangat memprihatinkan kewajipan membina insan mulia dalam sistem negara. Pendidikan yang berorientasi sekular adalah bertentangan dengan keperluan manusia untuk mendapat ilmu dan

tarbiyyah kejiwaan atau *tarbiyyah ruhaniyya*. Insan yang sempurna hanya dapat dicetak apabila berlaku *at tawazun* antara *akal rohani* dan *jasmani*. Malangnya sistem pendidikan sekular masa kini menyebabkan berlakunya dehumanisasi akibat terabainya tarbiyyah keinsanan yang kimorehensif. USF juga menukilkan tulisannya yang tajam mengkritik sistem ekonomi sekular seperti kapitalisme, komunisme dan sosialisme yang tidak manusiawi. Justeru, sistem ekonomi Islam sentiasa menekankan keadilan ekonomi serta akhlak insan. Mutakhir, USF dikenali sebagai seorang tokoh ilmuwan Muslim Malaysia yang paling ke hadapan mengungkapkan gagasan *Fiqh alnTaayush al Silmi* atau Fiqh Hudup Bersama Dalam Budaya Damai di dalam sebuah negara *jamak* agama bangsa suku kaum bahasa dan budaya. Tema ini diangkat menerusi konsep *li taarafu* seperti yang tercatat dalam *Surah al Hujurat*, ayat 13. Pokoknya pemikiran Islam USF adalah bercahaya dengan gabungan antara warisan dan kontemporer.

KEMULIAAN INSAN (*KARAMAH INSANIAH*)

Oleh: Wan Salim Wan Mohd Noor

Persoalan kemuliaan insan (*karamah insaniah*) semakin mendapat perhatian dunia masa kini. Ia dianggap antara isu terpenting dalam usaha merealisasikan hak-hak kemanusiaan yang adil serta perlu dijadikan salah satu dasar fundamental di dalam perlembagaan dan undang-undang sebuah negara.

Oleh kerana kemuliaan insan ini perlu diakui oleh semua pihak baik pemerintah mahupun rakyat biasa serta perlu dihayati dan dipelihara maka kita dapati semua agama terutama agama-agama langit sentiasa memainkan peranan dalam mendidik dan melatih para penganut masing-masing supaya menghias diri dengan sifat-sifat terpuji di samping menjauhi sifat-sifat sebaliknya. Sebagai misi ketuhanan yang abadi dan universal maka kita dapati agama Islam mengandungi ajaran-ajaran yang lengkap termasuk menegaskan hakikat kemuliaan insan dan ketinggian statusnya dengan cara yang tiada tolok bandingnya dalam agama-agama atau undang-undang yang lain.

